



LAMAN WEB HARGA KERETA

07 November 2008 - ISM Insurance Services Malaysia Berhad (ISM) hari ini melancarkan laman web baru yang membolehkan pengguna menyelidik harga serta spesifikasi kereta terpakai dan baru. Laman web CarPrices ini mengandungi lebih daripada 20,000 kenderaan unik serta maklumat mengenai kedua-dua harga kereta baru dan terpakai. Para pengguna boleh melayari laman web ini secara percuma untuk memilih kereta dan untuk memastikan nilai pasaran terkini bagi kenderaan mereka sendiri. Laman web ini menyediakan perkhidmatan dalam talian untuk membolehkan para pengguna mendapatkan taksiran bebas nilai pasaran kenderaan milik mereka.

Pengerusi ISM, Cliff Lee Koon Yew berkata “Laman web baru ini adalah sebahagian daripada objektif syarikat untuk meningkatkan ketelusan dan menyediakan maklumat berwibawa mengenai kenderaan kepada khalayak awam di Malaysia”.

Pada tahun 2007, ISM menandatangani perjanjian dengan syarikat pembekal perisikan perniagaan automotif, EurotaxGlass’s AG untuk membangunkan pangkalan data harga dan spesifikasi kenderaan komprehensif tempatan yang pertama bagi pasaran Malaysia. Pangkalan data ini mengandungi harga kenderaan baru dan terpakai serta spesifikasi kereta bagi kenderaan di Malaysia. Sistem ini digunakan oleh syarikat insurans, takaful, bank, penaksir kerugian, agensi kerajaan serta syarikat kereta bagi tujuan penyelidikan dan operasi syarikat.

“CarPrices adalah laman web sulung yang seumpama ini di Malaysia yang dilengkapi kemudahan carian dan perbandingan untuk membolehkan pengguna memilih kenderaan. Dengan bertambahnya bilangan pilihan yang disediakan kepada para pengguna, laman web ini akan memberi rangsangan kepada sektor automotif,” tambah Lee lagi.

Sejak pelancarannya pada bulan Januari 2008 lalu, laman web CarPrices telah mendapat lebih daripada 2 juta sasaran daripada pengunjung. Laman web yang diubah suai ini menyediakan berbagai ciri yang hampir serupa dengan laman web kereta antarabangsa yang terkemuka seperti Yahoo! Autos dan cars.com. Laman web CarPrices mendapat maklumat daripada pangkalan data yang sama yang digunakan oleh pelanggan korporat Sistem Perisikan Perniagaan Automotif ISM. “Memastikan pihak swasta dan pengguna menggunakan penanda aras yang sama untuk menilai kenderaan mereka adalah penting demi ketelusan yang lebih tinggi dalam transaksi kewangan berkaitan automotif seperti jualan, pinjaman dan insurans kereta terpakai” ujar Lee.

Competitive, Efficient & Stable





Menurut Lee lagi, “Syarikat Insurans dan Takaful akan memanfaatkan pangkalan data ISM dalam menyediakan nilai pasaran semasa berkaitan notis pembaharuan insurans motor bermula 2009. Ini akan memastikan perlindungan insurans kenderaan para pengguna tidak terlebih atau terkurang. Pada ketika ini, syarikat insurans mencetak nilai insurans tahun terdahulu pada notis pembaharuan dan mengharap pelanggan melaraskan jumlah insurans bagi tahun semasa”.

“Sistem ISM akan mengurangkan pertikaian berhubung transaksi automotif berkaitan kewangan dengan menyediakan nilai pasaran bebas dan berwibawa kenderaan yang boleh dirujuk oleh sektor automotif, institusi kewangan serta para pengguna” tambah Lee. ISM menyediakan taksiran secara percuma sehingga akhir 2008, dan selepas tempoh, ini akan mengenakan bayaran sebanyak RM10 setiap taksiran kenderaan. ISM juga sedang membangunkan perkhidmatan dalam talian untuk membolehkan pengguna menyemak sama ada sesuatu kenderaan telah dilaporkan sebagai dicuri atau diisytiharkan sebagai ranap oleh syarikat insurans dan takaful. Perkhidmatan ini dijangka akan dilancarkan lewat tahun ini.

Mengenai ISM

ISM Insurance Services Malaysia Berhad adalah pembekal perkhidmatan dikongsi bagi perkhidmatan kewangan. Ia syarikat bertaraf MSC dan telah ditauliah sebagai syarikat ISO/IEC 27001:2005 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS). Perkhidmatan ISM termasuk pengurusan pengetahuan, pengurusan, pengurusan penipuan, perisikan automotif dan sistem pertukaran elektronik. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi www.ism.net.my atau hubungi talian 03-2260 3289.

Competitive, Efficient & Stable

